

Mesej Empat  
**Mengenal Kristus Almuhit  
dan Bertumbuh dengan Pertumbuhan Tuhan**

Bacaan Bible: Kol. 1:18, 27-28; 2:2-3; 3:1-4

- I. Memang suatu berkat kita dapat mengenali dan mengalami Kristus almuhit yang diwahikan dalam buku Kolose:**
- A. Kristus ialah “Kepala kepada Tubuh, iaitu gereja;...supaya Dia sendiri dapat menduduki tempat pertama dalam segala sesuatu”—1:18:
    - 1. Dalam ciptaan lama dan juga ciptaan baru, Kristus ialah yang pertama dan menduduki tempat pertama.
    - 2. Dalam alam semesta dan juga dalam gereja, Kristus ialah Dia yang menduduki tempat terunggul.
  - B. “Kristus dalam kamu, harapan kemuliaan”—ay. 27:
    - 1. Kristus, yang huni dalam roh kita untuk menjadi hayat dan persona kita, ialah harapan kemuliaan kita.
    - 2. Apabila Dia datang, kita akan dimuliakan dalam-Nya.
    - 3. Ini menunjukkan bahawa Kristus yang huni secara dalaman akan menepui seluruh diri kita agar tubuh fizikal kita dapat ditransfigur dan dikonform kepada tubuh kemuliaan-Nya.
  - C. Dalam buku Kolose terdapat beberapa ungkapan penting yang menunjukkan pengalaman kita terhadap Kristus:
    - 1. “Kristus dalam kamu”—ay. 27.
    - 2. “Penuh dewasa dalam Kristus”—ay. 28.
    - 3. “Bergerak-hiduplah dalam-Nya”—2:6.
    - 4. “Menurut Kristus”—ay. 8.
    - 5. “Dihidupkan bersama dengan-Nya”—ay. 13.
    - 6. “Mati bersama dengan Kristus”—ay. 20.
    - 7. “Berpegang pada Kepala”—ay. 19.
    - 8. “Daripada-Nya”—ay. 19.
    - 9. “Bertumbuh dengan pertumbuhan Tuhan”—ay. 19.
    - 10. Semua ungkapan ini memberi kita gambaran yang lengkap berkenaan pengalaman yang wajar terhadap Kristus.
    - 11. “Misteri Tuhan, iaitu Kristus; dalam-Nya tersembunyi segala khazanah kearifan dan pengetahuan”—ay. 2-3:
      - a. Kolose memperkatakan misteri Tuhan, iaitu Kristus Kepala.
      - b. Segala khazanah kearifan dan pengetahuan yang sejati tersembunyi dalam Kristus—ay. 3.
      - c. Ini merupakan kearifan dan pengetahuan rohani daripada ekonomi divin berkenaan Kristus dan gereja.
      - d. Kearifan berkaitan dengan roh kita, dan pengetahuan berkaitan dengan minda kita—Ef. 1:8, 17.
    - 12. “Dalam-Nya, segala kepenuhan Ketuhanan huni secara jasadi, dan kamu telah dijadikan penuh dalam-Nya”—Kol. 2:9-10:
      - a. Yang huni dalam Kristus bukan sahaja kekayaan Ketuhanan, tetapi juga ekspresi kekayaan bagi apanya Tuhan.
      - b. Segala kepenuhan Ketuhanan huni dalam Kristus yang memiliki tubuh insani.
  - D. “Oleh itu, jika kamu telah dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah hal-hal di atas, di sana Kristus berada, duduk di sebelah kanan Tuhan”—3:1:

1. Ayat 1 hingga 4 mengimplikasikan bahawa kita mempunyai satu kedudukan, satu hayat, satu kehidupan, satu takdir, dan satu kemuliaan bersama dengan Kristus.
2. Tuhan di syurga-syurga harus menjadi lingkungan kehidupan kita; kita harus hidup bersama dengan Kristus dalam Tuhan.

**II. “Berpegang pada Kepala; daripada-Nya seluruh Tubuh dibekali dengan kaya..., bertumbuh dengan pertumbuhan Tuhan”—2:19:**

- A. Bertumbuh bererti Kristus ditambahkan ke dalam kita—1 Kor. 3:6-7; Gal. 4:19.
- B. Pertumbuhan Tubuh Kristus bergantung pada apa yang keluar daripada Kristus Kepala itu—Ef. 4:15-16:
  1. Apabila Tubuh dibekali dengan berpegang pada Kepala, Tubuh bertumbuh dengan pertumbuhan Tuhan—Kol. 2:19.
  2. Tubuh bertumbuh keluar daripada Kepala, kerana segala bekalan datang daripada Kepala—Ef. 4:15.
- C. Pertumbuhan Tubuh Kristus bergantung pada pertumbuhan Tuhan, penambahan Tuhan, penambahan Tuhan, dalam kita—Kol. 2:19:
  1. Tuhan menyebabkan pertumbuhan dengan memberi diri-Nya kepada kita secara subjektif.
  2. Semakin banyak Tuhan ditambah ke dalam kita, semakin banyaklah pertumbuhan yang diberi-Nya kepada kita; inilah cara Tuhan menyebabkan pertumbuhan—1 Kor. 3:6-7.
  3. Hanya Tuhan yang dapat menyebabkan pertumbuhan; hanya Tuhan yang dapat memberi diri-Nya kepada kita, dan tanpa-Nya, kita tidak dapat bertumbuh—ay. 6-7:
    - a. Pertambahan Tuhan ke dalam kita ialah pertumbuhan yang diberi-Nya.
    - b. Tuhan memberi kita pertumbuhan sebenarnya bermakna Dia memberi kita diri-Nya—Roma 8:11.
- D. Pertumbuhan Tubuh Kristus ialah pembinaan Tubuh Kristus—Ef. 4:16; Kol. 2:19:
  1. Efesus 4:12-16 menduduki tempat yang istimewa dalam Wasiat Baru kerana bahagian ini menunjukkan misteri berkenaan pembinaan Tubuh Kristus.
  2. Pertumbuhan Tubuh Kristus ialah penambahan Kristus dalam gereja, yang menyebabkan Tubuh membina dengan sendiri—3:17a:
    - a. Apabila Kristus masuk ke dalam pekudus dan hidup dalam mereka, Kristus dalam para pekudus menjadi gereja—Kol. 3:10-11.
    - b. Tubuh Kristus bertumbuh dengan pertumbuhan Kristus dalam kita dan dibina dengan cara ini—1:18; 2:19.
  3. Kasih yang dengannya Tubuh membina dengan sendiri bukan kasih kita sendiri tetapi kasih Tuhan dalam Kristus yang telah menjadi kasih Kristus dalam kita; melalui kasih ini, kita mengasihi Kristus dan rakan seanggota Tubuh-Nya—1 Yoh. 4:7-8, 11, 16, 19; Roma 5:5; 8:39:
    - a. Kasih ialah substan dalaman Tuhan; apabila kita masuk ke dalam substan dalaman Tuhan, kita menikmati Tuhan sebagai kasih dan menikmati hadirat-Nya dalam kasih divin-Nya yang manis, dengan itu kita dapat mengasihi orang seperti Kristus—Ef. 5:25.
    - b. Dalam kasih sedemikianlah kita berpegang pada kebenaran, iaitu pada Kristus dengan Tubuh-Nya, dan terpelihara agar tidak terpengaruh oleh angin ajaran dan tidak membawa masuk elemen asing bagi Tubuh—4:14-15.